

# USIM anjur seminar cegah dadah

Oleh Khairul Azizi Elias  
bhvarsiti@bharian.com.my

**N**ILAI: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Asian Centre For Research On Drug Abuse (ACREDA) menganjurkan Seminar Pencegahan Dadah Kebangsaan (Prevent) 2012 di sini, baru-baru ini.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhamad Muda, berkata penyalahgunaan dadah bukan hanya membawa ancaman kepada kesihatan manusia, bahkan ancaman pembangunan sosioekonomi negara.

Beliau berkata, usaha mencegah penyalahgunaan dadah perlu dilakukan bersama termasuk pembabitan pelajar sekolah dan mahasiswa.

Dengan usaha yang lebih menyeluruh, katanya, kerajaan berharap dapat mencegah pelajar daripada terbabit dengan gejala dadah dan menjadi warga negara yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Sementara itu, Presiden Pengasih Malaysia, Datuk Yunus Pathi, berkata keluarga berperanan penting bagi menangani penyalahgunaan dadah dengan memantau kegiatan anak-anak sama ada di rumah mahupun di luar.

"Saya memuji usaha USIM menganjurkan seminar ini yang memberi peluang kepada semua pihak berkongsi pandangan, idea dan pengetahuan bagi menangani penularan penyalahgunaan dadah," katanya.



PROF Dr Muhamad menyampaikan cenderamata kepada Dato' Yunus.